



## KENYATAAN MEDIA

### LEBIH 8,000 PELUANG PEKERJAAN MENANTI PENCARI KERJA DI KARNIVAL KERJAYA JAMIN KERJA KELUARGA MALAYSIA 2022 NEGERI PERAK

**TAPAH, PERAK** – Sekurang-kurangnya **8,000** peluang pekerjaan menanti pencari kerja di **Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Negeri Perak** di **Kompleks Belia dan Sukan Taph, pada 11 hingga 12 Jun** ini.

Karnival anjuran **Kementerian Sumber Manusia** menerusi agensinya, **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** ini menawarkan peluang kerjaya kepada orang ramai khususnya golongan pencari kerja di negeri Perak merangkumi individu yang kehilangan pekerjaan, graduan, golongan mudah terjejas termasuk warga emas, orang kurang upaya (OKU), bekas banduan, veteran askar, orang asli dan golongan wanita.

Bermula dari jam **9 pagi hingga 5 petang**, karnival pekerjaan ini bakal menghimpunkan sebanyak **30** majikan daripada pelbagai sektor seperti sektor **perkhidmatan, pembuatan, perdagangan borong dan peruncitan, perhotelan serta makanan dan minuman**. Antara majikan yang terlibat dalam karnival ialah Plexus, UEM Edgenta, Panasonic, HICOM dan banyak lagi.

Buat julung kalinya juga, PERKESO dengan **Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)** iaitu sebuah entiti penting yang menerajui pembangunan modal insan dan perkhidmatan pekerjaan di i negeri Perak telah bekerjasama bagi menganjurkan karnival ini.

Menerusi Bajet 2022, majikan yang membuat pengambilan pekerja baharu melalui karnival ini akan berpeluang untuk menerima bantuan **JaminKerja-Insentif Penggajian (JKIP)** sehingga **RM42,000** untuk tempoh **maksimum 12 bulan**. Selain itu, **bantuan mobiliti** sehingga **RM500** turut disediakan buat mana-mana pencari kerja yang layak dan berjaya mendapatkan pekerjaan.

PERKESO menyeru individu yang aktif mencari pekerjaan atau ingin meneroka peluang pekerjaan yang baharu untuk mencuba nasib dengan menghadiri sesi temu duga terbuka yang akan dijalankan secara bersemuka dengan majikan yang mengambil bahagian dalam karnival ini.

Untuk pertanyaan lanjut, sila layari **Portal MYFutureJobs** menerusi pautan [www.myfuturejobs.gov.my/careerfair](http://www.myfuturejobs.gov.my/careerfair) atau hubungi nombor **Careline PERKESO** di talian 1-300-22-8000 atau e-mel ke [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**10 Jun 2022**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.**